

Sektor Hal Ehwal Pelajar tingkatkan kualiti perkhidmatan

UB 16.4.2019 A4

LABUAN: Program Bertemu Pelanggan Sektor Hal Ehwal Pelajar (SHEP) UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2019 adalah program mendapatkan maklumbalas pelajar berhubung perkhidmatan diberikan.

Ia meliputi perkhidmatan berkaitan pelajar yang diberikan oleh Sektor Hal Ehwal Pelajar UMSKAL sejajar matlamat memperkuuhu tadbirurus kepimpinan dan sistem penyampaian serta mempertingkatkan pengalaman holistik pelajar.

Justeru, sebagai sektor

bertanggungjawab dalam menguruskan pentadbiran dan kebajikan pelajar, sektor ini ingin meningkatkan kualiti perkhidmatan penyampaian dan kecekapan dengan menilai maklumbalas daripada pelajar.

Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Dr Murnizam Haji Halik berkata perkhidmatan berasaskan integriti, mesra, cekap dan bersedia memenuhi kehendak pelanggan dengan penuh tanggungjawab amat penting agar kepentingan pelajar tetap dijaga.

Katanya, sejajar dengan

pembudayaan Revolusi Industri 4.0, pihak pengurusan HEP membuat kaji selidik ini lebih mudah diakses.

"Sayaberharapahlidandansekretariat Majlis Perwakilan Pelajar, JAKMAS dan Persatuan Mahasiswa Fakulti membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan Sektor Hal Ehwal Pelajar dengan mewarkan perkara ini kepada pelajar UMSKAL," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Bulan Bertemu Pelanggan SHEP Tahun 2019 di Ruang Legar Bangunan Menara

UMSKAL pada Isnin.

Turut hadir Timbalan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Suanie Sura, Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar Nur Iman Reedzal, Penolong Pendaftar Kanan, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Noraini Haji Samsu, Penolong Pendaftar Sektor Pentadbiran Dan Sumber Manusia Mas Adi Alimin dan Pengarah Program Earlene Kasamira Vashti Edham serta Penolong Pendaftar SHEP Mohd Fadzli Sarudi.

Hadir sama barisan kepimpinan pelajar.

Dr Murnizam berkata dengan komitmen semua pihak menjayakan program yang diadakan, ia akan menaikkan UMS sebagai universiti awam cemerlang dan antara IPTA



MURNIZAM




EARLENE KASAMIRA

terbaik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

SHEP selama sebulan sehingga

30 April itu menyajikan pelbagai acara dikhatusukan kepada pelajar UMS Labuan.



MURNIZAM (empat kanan) bersama Nur Iman (empat kiri) dan Earlene (lima kiri) pada Majlis Pelancaran Program Bulan Bertemu Pelanggan SHEP Tahun 2019 di Ruang Legar Bangunan Menara UMSKAL.

MTE
METAL TECHNOLOGY EXPO

**"PAMERAN MESIN,
JENTERA, PERALATAN DAN
BAHAN LOGAM"**

24 - 27 APRIL 2019

**PUSAT KONVENTSYEN
SETIA CITY, SHAH ALAM,
MALAYSIA**

www.mtexpo.com.my

Disokong oleh:

Penaja Rasmi:

Rakan Media Rasmi:

Dianjur oleh:

Logos for various organizations including Waze, Setia City Convention Centre, MSTMA, MySET, PENFEIA, SSIAMENTA, SFAIA, WM, and MTE.